

UCAPAN OLEH: DATO' SERI DR. MAHATHIR BIN MOHAMAD
(PERDANA MENTERI)

UPACARA: PERASMIAN MASJID KEMENTAH

TEMPAT: MASJID KEMENTAH

TARIKH: 20 SEP 1985

MASA:

Assalamu'alaikum warahmatullahi wabarakatuh.
Yang Berhormat Menteri-Menteri dan
Timbalan-Timbalan Menteri;
Tuan Yang Terutama Duta-Duta dan Wakil-Wakil
Negara Asing;
Dif-Dif Kehormat;
Tuan-tuan dan puan-puan.

Terlebih dahulu marilah kita bersama-sama bersyukur ke
hadrat Allah Subhanahu Wataala kerana dengan limpah
kurniaNya, maka dapat kita hadir di upacara pada pagi yang
mulia ini dan diikuti pula dengan sembahyang berjumaah
sebagai pengabdian kita kepada suruhan dan ajaran Tuhan Yang
Maha Esa.

Saudara-saudara sekalian,

2. Masjid ini akan ditadbirkan oleh sebuah Jawatankuasa
yang terdiri bukan sahaja daripada pegawai-pegawai kanan
awam dan tentera, tetapi juga wakil-wakil kariah kawasan
Datuk Keramat. Saya yakin bahawa masjid ini akan dapat
merapatkan perhubungan kakitangan Kementerian Pertahanan
dengan masyarakat sekeliling. Masjid KEMENTAH ini akan
dapat digunakan oleh semua umat Islam yang bertugas dan
bermastautin di kawasan ini khususnya.

3. Sebagai satu masyarakat yang menganuti agama yang sama,
pemopokan persaudaraan di antara ahli masyarakat adalah
menjadi satu kewajipan kita bersama, tidak kira sama ada
kita golongan tua, atau muda, awam atau tentera, di bandar
atau di desa. Apa yang harus kita ingat ialah bahawa
menerusi perpaduan kita akan dapat mewujudkan satu
masyarakat yang teguh dan bermaruah. Sebaliknya jika
terdapat perpecahan di kalangan kita, maka ini akan
merugikan kita sendiri di samping menerima kutukan dari
Allah Subhanahu Wataala.

4. Perpaduan dan saling faham memahami di antara ahli atau
anggota masyarakat harus dijadikan sebagai satu penekanan
dalam syarahan, kuliah atau perjumpaan di kalangan cerdik
pandai orang-orang Islam. Kita semua maklum bahawa unsur
perpaduan adalah juga ajaran Islam agar masyarakat tidak
berbelah bahagi. Perpaduan harus dijadikan satu amalan dan
ianya patut dipuji dan diberi sanjungan tinggi. Khidmat

yang berasaskan perpaduan membuktikan keinsafan kita untuk menegak dan meninggikan syiar Islam serta kesanggupan kita untuk menghayati ajaran Tuhan Yang Maha Esa agar kita dilimpahkan kebahagiaan serta kesejahteraan hidup.

5. Unsur perpaduan ini perlu disemaikan kepada kanak-kanak di bangku sekolah dan juga kepada mereka yang datang belajar agama di surau dan masjid. Mereka harus dididik dengan nilai-nilai yang baik sepanjang masa sebagai mengingatkan supaya mereka sentiasa faham akan tujuan nilai-nilai itu. Cara ini akan menjadi satu kuasa perkembangan dari peringkat ke peringkat, dari kecil ke dewasa, dari muda ke tua. Saudara-saudara sekalian,

6. Kita hendaklah sentiasa berwaspada terhadap syarahan dan kuliah yang dilakukan oleh mereka yang tidak bertanggungjawab. Kita hendaklah dapat membezakan yang benar daripada yang salah supaya mereka itu tidak dapat mempengaruhi pemikiran kita untuk menimbulkan dakyah dan ajaran yang tidak betul serta menyeleweng dari kehendak agama kita yang sebenarnya.

7. Kita mengetahui bahawa banyak laporan telah dibuat mengenai perkara seperti ini yang telah berlaku, yang masih berlaku dan mungkin akan terus berlaku jika tidak diawasi. Oleh itu, marilah kita bersama-sama sentiasa berjaga-jaga agar pengetahuan yang disampaikan itu adalah daripada mereka yang bertanggungjawab dan bertauliah serta berlandaskan kepada lunas-lunas keagamaan yang suci dan tidak diselubungi dengan putar belit untuk sesuatu muslihat.

Saudara-saudara sekalian,

8. Angkatan Tentera kita bukan sahaja berjuang untuk mempertahankan sebuah negara yang diduduki oleh kita. Angkatan Tentera kita juga berjuang mempertahankan satu sistem Kerajaan yang memberi perlindungan kepada agama Islam. Musuh kita adalah orang-orang yang tidak percaya kepada Islam, bahkan tidak percaya adanya Tuhan. Walau apapun yang dikatakan oleh mereka, hakikatnya ialah mereka anti agama, lebih-lebih lagi agama Islam. Justeru itu, amatlah tepat jika kita katakan bahawa bagi anggota-anggota Angkatan Tentera kita yang beragama Islam, mereka berjuang untuk mempertahankan agama Islam. Jika kita gagal, maka kedudukan Islam di negara ini akan mengalami nasib yang sama dengan nasib agama Islam di negara-negara yang ditawan oleh komunis, terutamanya yang berada di Asia Tengah berdekatan dengan Afghanistan. Kalau hari ini mereka cuba memberi gambaran bahawa mereka membenarkan ajaran Islam bebas di negara mereka, ini adalah kerana kepentingan politik mereka sahaja. Oleh itu, kita lihat begitu banyak negara Islam yang telah menerima ideologi sosialisma yang tidak memberi tempat kepada agama Islam.

9. Pokok pangkalnya ialah Angkatan Tentera kita mempertahankan Islam. Jika ada sesiapa yang berkata ini tidak benar, maka mereka sebenarnya menyebelahi musuh Islam

dan mengkhianati perjuangan Islam dengan cuba melemahkan semangat anggota Angkatan Tentera kita. Berhati-hatilah apabila mendengar syarahan-syarahan yang kononnya syarahan agama tetapi sebenarnya ialah propaganda musuh. Janganlah ada pegawai dan anggota Kor Agama Angkatan Tentera kita terperangkap dengan dakwah musuh dan secara tidak langsung mengurangkan ketahanan Angkatan Tentera kita.

10. Kita lihat sekarang ini ada orang-orang Islam yang terperangkap dengan nafsu mereka dan berperang sesama sendiri. Beratus ribu menjadi korban peperangan ini. Dan kuasa-kuasa besar serta Israel mengambil peluang membekalkan senjata, cukup untuk peperangan diteruskan tetapi tidak cukup untuk menentukan kemenangan bagi mana-mana pihak. Dengan itu, maka peperangan sesama orang-orang Islam berterusan dan ramai yang menjadi mangsa serta ramai pula yang akan terkorban. Jika kuasa-kuasa ini melihat sesuatu pihak itu akan kalah, maka mereka akan membekalkan lebih banyak senjata supaya pembunuhan orang-orang Islam terus berlaku.

11. Tidak guna kita salahkan orang lain. Sebagai musuh Islam, mereka bertindak untuk menjayakan hasrat mereka. Yang salah ialah orang Islam yang semuanya tahu akan keburukan berperang sesama sendiri, tetapi tidak mahu memberhentikan peperangan mereka.

12. Demikianlah kesan nafsu di kalangan orang Islam. Apabila mereka harus hentikan peperangan, mereka teruskan. Tetapi apabila mereka harus pertahankan diri mereka dari serangan musuh-musuh Islam, ada di antara orang Islam yang sengaja melemahkan semangat pertahanan kerana taksud dengan pengaruh politik pecah-belah dan perasaan hasad dengki.

Saudara-saudara sekalian,

13. Masjid KEMENTAH, seperti juga lain-lain masjid, boleh memainkan peranan yang penting bagi menyampaikan ajaran Islam yang tidak terpengaruh dengan kepentingan-kepentingan lain. Masjid ini juga memberi peluang untuk menguatkan semangat Angkatan Tentera kita dalam tugas mereka mempertahankan negara dan kedudukan Islam di negara ini. Kita harus ingat bahawa kita dijajah dahulu kerana kita lemah dan kita serahkan pertahanan negeri-negeri Melayu kepada askar upahan. Sesuatu bangsa yang tidak sanggup mempertahankan negaranya sendiri, tidak akan kekal dengan kemerdekaannya. Mereka akan dijajah dan diperhambakan.

14. Sekarang ini kita berpeluang menentukan nasib kita sendiri. Janganlah sesiapa menghalang dan melemahkan semangat pertahanan kita. Janganlah sesiapa menderhaka kepada bangsa, agama dan tanahair.

Saudara-saudara sekalian,

15. Saya suka menyatakan bahawa salah satu daripada tujuan utama Kerajaan menubuhkan Kor Agama Angkatan Tentera

Malaysia, atau KAGAT, ialah untuk meningkatkan lagi kesedaran anggota tentera kita tentang penghayatan nilai Islam serta menguatkan iman. Saya yakin KAGAT akan dapat memainkan peranannya untuk memberi pendidikan rohani kepada anggota tentera kita, seimbang dengan latihan jasmani ketenteraan yang mereka terima. Dengan adanya keadaan ini, insya-Allah, disiplin, ketabahan dan kecekalan hati serta keimanan tentera kita akan menjadi lebih kuat. Semangat keperwiraan dan ketahanan nasional serta pengabdian kepada agama, bangsa dan negara akan menjadi amalan biasa.

16. Akhirnya dengan lafaz "Bismillahir rahmanir rahim", saya dengan sukacitanya membuka Masjid KEMENTAH ini dengan rasminya.

Wabillahi taufik walhidayah wasalamu'alaikum
warahmatullahi wabarakatuh.